

# TARBIYAH PENGASAS SIRI 40

10 MEI 2022

## SENTUHAN PERIBADI

*Prof Dr Muhammad Syukri Salleh*

1. Tajuk tarbiyah hari ini ialah **Sentuhan Peribadi (Personal Touch)**
2. Ia bertujuan menghaluskan lagi **akhlak** dan menjadikan sebagai satu **strategi** ISDEV mencapai kegemilangan, umpamanya mendapat Hi-CoE.
3. Sebelum ini saya selalu sebut tentang Pautan Hati.
4. Pautan Hati sangat kena mengena dengan Sentuhan Peribadi.
5. Sentuhan Peribadi merupakan salah satu faktor utama mencapai Pautan Hati.
6. Pautan Hati =
  - ❖ Ada hubungan qalbu antara satu sama lain
  - ❖ Serasi kerana berkongsi persamaan, misalnya:
    - Berkongsi kegemaran (*hobby*)
    - Berkongsi budaya hidup
    - Berkongsi perwatakan
    - Berkongsi keterampilan
    - Berkongsi perangai
    - Berkongsi pengajian
    - Berkongsi kumpulan jemaah
    - Berkongsi perjuangan
    - Berkongsi iman & takwa (paling kukuh)
  - ❖ Natijahnya:
    - Bertemu dan berpisah kerana Allah SWT
    - Bahagia bila bersama, rindu bila berpisah

7. Pautan Hati ini lebih mudah dicapai jika ada SENTUHAN PERIBADI

8. Sentuhan Peribadi =

- ❖ **Hati tersentuh** dengan akhlak
- ❖ **Seronok dan bahagia** di hati apabila berhubung, berjumpa, berbincang

9. Ada dua peringkat Sentuhan Peribadi

❖ Peringkat Kerohanian

- **Rindu** mahu berjumpa dengannya
- **Sejuk hati** melihat wajahnya (ada sinar iman dan taqwa)
- **Bahagia** hati dengan akhlaknya
- **Bertambah ilmu** dan pengajaran bila bersamanya
- Dan sebagainya

❖ Peringkat Fizikal

- Merasa di **acknowledge** kehadiran/kewujudan (memberi salam, berpelukan, menegur bertanya khabar, selalu menyebut namanya dalam majlis, tidak rempuh dan mengabaikan mana-mana orang yang ada di situ)
- Merasa **diraikan** (penghormatan melalui *gestures* dan pertuturan, kemesraan)
- Merasa **diutamakan** (memberi ucapan eg Selamat Hari Raya etc, dan menjemput ke satu-satu majlis secara *personal*, atau memaklumkan tentang sesuatu, bukan secara borong eg melalui whatsapp, menceritakan tentang kejayaan dan masalah secara peribadi, meminta nasihat, etc)
- Merasa **istimewa** di sisinya
- Merasa **disayangi**
- Dan sebagainya

10. Natijah Sentuhan Hati:

- ❖ Membawa kepada **akhlak yang halus**
- ❖ Menjadi orang yang digemari (**favorite**)
- ❖ Menjadi besi berani (**magnet**) – Menarik orang kepada kebaikan

- ❖ Menguatkan **Pautan Hati**
- ❖ Menguatkan **Ukhwah** (kekuatan asas ISDEV yang kedua)
- ❖ Menjadi **strategi** kerjasama dengan pelbagai pihak untuk mencapai kecemerlangan

## 11. Kesimpulan

- ❖ Akhlak warga ISDEV umumnya **telah baik**
- ❖ Akhlak baik itu elok dijadikan tapak untuk menjana **akhlak yang lebih halus**
- ❖ Akhlak yang halus bukan sahaja boleh membawa **keredhaan Allah SWT**, tetapi juga membawa kepada **kesukaan manusia**
- ❖ Redha Allah SWT dan kesukaan manusia boleh menjadi asbab Allah SWT kurniakan **kejayaan dan kegemilangan**, Insya-Allah.